

## Kecerdasan Emosi Menurut Al-Quran dan Al-Sunnah: Aplikasinya Dalam Membentuk Akhlak Remaja

Hamidah Sulaiman [1], Zawawi Ismail [2], Rorlinda Yusof [3]

### ABSTRACT

The purposes of this study were to determine the level of emotional intelligence (EQ) among adolescents in secondary schools in Malaysia, and examined the differences in emotional intelligence among adolescents by gender, school types and school locations. Three instruments were used to collect data pertinent to this study, they were: Emotional Intelligence Questionnaire (Schutte, 1998); Emotional Intelligence Inventory (Tapia, 2001); and Spirituality Questionnaire. Findings showed that the level of adolescent emotional intelligence was high except for the social dimension. In addition, there was a significant interaction effect between gender, school type and school. Each of these studies tested the hypothesis of true significance level  $p < 0.05$ . Information obtained from this study can be used by the Ministry of Education, school administrators, Guidance and Counseling teachers, and parents in realizing the expressed desire of generating high quality human capital among school adolescents in Malaysia. In addition, this information can also help researchers to explore other possible research in the field of emotional intelligence.

---

**Keywords:** *Emotional Intelligence, Secondary Schools, Adolescents.*

[1] Fakulti Pendidikan  
Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur, Malaysia  
hamidah\_s@um.edu.my

[2] Fakulti Pendidikan  
Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur, Malaysia  
zawawiismail@um.edu.my

[3] Pusat PERMATApintar  
Negara,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 UKM, Bangi  
Selangor, Malaysia

### PENDAHULUAN

Islam mempunyai misi bagi mengubah minda dan tingkah laku masyarakatnya menjadi individu yang cerdas emosi. Justeru dalam konteks kecerdasan emosi, Islam menghendaki umatnya menjadi individu yang cerdas emosi berdasarkan Al-Quran dan Al-Sunnah dengan meletakkan asasnya kepada tauhid dan mengesakan Allah SWT. Kegagalan meletakkan Al-Quran dan Al-Sunnah dalam setiap urusan akan menyebabkan kegagalan dalam membentuk akhlak muslim yang komited terhadap tuntutan agama (Ahmad Munawar& Nuranizah, 2010).

### Konsep Kecerdasan Emosi

Elemen jiwa dan emosi telah diberi perhatian lebih awal dalam pendidikan psikologi Islam (Hassan Langgulung, Harun Din, 1999). Emosi menurut ahli psikologi Islam sama seperti potensi fitrah yang lain, melalui proses pertumbuhan dan perkembangan (Hassan Langgulung, As-Syeikh Abdul Qadir Al-Jailani, 1996). Keupayaan mengenali, memupuk dan membina kematangan emosi memberi kesan positif dalam menyeimbangkan kesejahteraan kendiri manusia, selaras dengan firman Allah SWT yang bermaksud "...dan di bumi itu terdapat tanda-tanda (kekuasaan Allah) bagi orang-orang yang yakin, dan (juga) pada dirimu sendiri. Maka apakah kamu tidak perhatikan?" (Al-Quran: Adz-Dzariat, 51:20 & 21). Kepentingan memelihara dan mengurus jiwa emosi dalam al-Quran diperkuuh dengan hadis Rasulullah SAW yang berbunyi; "...di antara kalian yang paling mengenal Tuhanmu adalah yang paling mengenal dirinya" (Hadis riwayat Bukhari Muslim). Sehubungan itu, kebijaksanaan manusia mengendalikan arah tuju kehidupan, terletak pada sejauhmana

kemampuan individu meneliti, dan menghayati proses penjernihan jiwa emosi (M.'Utsman Najati, 1985). Pandangan ini selaras dengan konsep (pembersihan jiwa) dan *tasfiyyah Al-Qalb* (penjernihan jiwa) dalam melaksanakan tanggungjawab kepemimpinan sebagai khalifah Allah di muka bumi (Al-Quran: al-Baqarah, 2: 30 & adz-Dzariat, 51: 56).

Kepentingan penghayatan konsep *tazkiyyah Al-nafs* (As-Syam, 91:9) telah mendorong manusia untuk memikirkan tentang aspek kejiwaan termasuk rahsia di sebalik keajaiban penciptaan diri, keunikan fungsi kejadian khasnya fungsi aqal dan hati yang berkait rapat dengan jiwa emosi. Pemahaman terhadap hakikat peranan hati dalam mengendali kehidupan disebut berulang kali dalam firman Allah S.W.T yang bermaksud "*Apakah mereka berjalan di muka bumi, lalu mereka mempunyai hati yang dengan itu mereka dapat memahami atau mempunyai telinga yang dengan itu mereka dapat mendengar? Kerana sesungguhnya bukanlah mata itu yang buta, tetapi yang buta adalah hati yang di dalam dada*" (Surah al Hajj, 46). Justeru usaha pembersihan hati atau tazkiyatun nafs perlu dilakukan secara bersungguh-sungguh menerusi pembacaan al-Quran, mengingati mati dan menghadiri majlis ilmu" (Hadis Riwayat dalam Riyadus Shalihin, 1994). Saranan-saranan tersebut bertujuan untuk memimpin akhlak yang merupakan manifestasi daripada proses penjernihan jiwa emosi.

Akhlik mulia merupakan natijah iman yang sebenar kerana tidak bernilai iman seseorang tanpa disertai dengan akhlak yang mulia seperti mana yang digambarkan dalam hadith Rasulullah SAW ketika ditanya oleh sahabat, "*Apakah Deen itu?*" lantas baginda menjawab dengan sabdanya, "*(Deen itu) adalah akhlak yang baik.*" Akhlak juga merupakan amal yang paling berat yang akan diletakkan dalam neraca hamba pada hari kiamat kelak." Hadith tersebut jelas menunjukkan bahawa Islam menjadikan akhlak sebagai intipati bagi segala jenis ibadat seperti mana hadith yang berbunyi "*Bertaqwalah kamu kepada Allah di mana sahaja kamu berada dan ikutilah kejahatan dengan mengerjakan kebaikan dan berperangailah kepada manusia dengan perangai yang bagus.*" (Riwayat Al-Tirmizi). Hadith di atas menjelaskan bahawa belum sempurna taqwa seseorang jika semata-mata membaiki hubungan dengan Allah tetapi memutuskan hubungan sesama manusia." Kepentingan pengurusan akhlak sesama manusia dalam hadith di atas mempunyai perkaitan yang kuat dengan konsep kecerdasan emosi yang menekankan tentang kecekapan mengenalpasti emosi sendiri dan emosi orang lain untuk menguruskannya dan membina hubungan mesra dengan mereka (Goleman 1996).

### Sorotan Kajian Mengenai Kecerdasan Emosi Menurut Al-Quran

Penekanan Al-Quran tentang pendidikan akhlak diperjelas menerusi ayat-ayat yang menggambarkan beberapa dimensi kecerdasan emosi yang berkaitan dengan i) kesedaran kendiri seperti yang termaktub dalam surauh Al-Baqarah: ayat 222: yang bermaksud ..."sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bertaubat dan menyukai orang-orang yang mensucikan diri", begitu juga ii) pengurusan atau kawalan kendiri yang terdapat dalam surauh Ali-Imran: ayat 134 yang bermaksud "*Orang-orang yang menafkahkan hartanya sama ada di waktu lapang ataupun sempit, dan orang-orang yang menahan amarahnya serta memaafkan kesalahan orang lain. Allah amat menyukai orang-orang yang membuat kebajikan*". Manakala bagi iii) dimensi empati pula antara yang tercatat dalam Al-Quran adalah seperti surauh Al-Mukminun: ayat 1-10. Dalam ayat-ayat ini Allah telah menyatakan tujuh sifat orang yang beruntung iaitu orang yang beriman, orang yang khusyuk dalam solatnya, orang-orang yang menjauhkan diri dari perbuatan dan perkataan yang sia-sia, menunaikan zakat, mengawal hawa nafsu sahwatnya, memelihara amanat dan janji dan memelihara solatnya.

Ayat-ayat tersebut membuktikan bahawa Islam memberi perhatian yang amat besar dalam pendidikan akhlak dan menuntut supaya kecekapan akhlak ini dipupuk serta dihayati menerusi penerapan elemen-elemen utama yang selari dengan kompetensi-kompetensi dalam kecerdasan emosi.

### Kecerdasan Emosi Dalam Al-Sunnah

Individu yang mempunyai kecerdasan emosi dapat dikesan melalui akhlaknya. Akhlak mulia merupakan natijah iman yang sebenar kerana tidak bernilai iman seseorang tanpa disertai dengan akhlak yang mulia seperti mana yang digambarkan dalam hadith Rasulullah SAW ketika ditanya oleh sahabat, "*Apakah Deen itu?*" lantas baginda menjawab dengan sabdanya, "*(Deen itu) adalah akhlak yang baik.*" Akhlak juga merupakan amal yang paling berat yang akan diletakkan dalam neraca hamba pada hari kiamat kelak." Hadith tersebut jelas menunjukkan bahawa Islam menjadikan akhlak sebagai intipati bagi segala jenis ibadat

sepertimana hadith yang berbunyi "Bertaqwalah kamu kepada Allah di mana sahaja kamu berada dan ikutilah kejahatan dengan mengerjakan kebaikan dan berperangailah kepada manusia dengan perangai yang bagus." (Riwayat Al-Tirmizi). Hadith di atas menjelaskan bahawa belum sempurna taqwa seseorang jika semata-mata membaiki hubungan dengan Allah tetapi memutuskan hubungan sesama manusia." Kepentingan pengurusan akhlak sesama manusia dalam hadith di atas mempunyai perkaitan yang kuat dengan konsep kecerdasan emosi yang menekankan tentang kecekapan mengenalpasti emosi sendiri dan emosi orang lain untuk menguruskannya dan membina hubungan mesra dengan mereka. Dalam kata lain, individu yang mempunyai kecerdasan emosi menurut perspektif Islam mempamerkan akhlak yang berterasakan syariat Allah SWT berasaskan aqidah dan dihiasi dengan adab sopan.

Islam telah memberikan keistimewaan kepada manusia iaitu satu kehidupan yang seimbang berbanding dengan makhluk Allah s.w.t. yang lain. Manusia dianugerahkan akal dan fikiran dalam membuat pilihan yang bijak sewaktu berada dalam keadaan beremosi. Islam telah mengajar manusia mengenai kecerdasan emosi ini sejak manusia diciptakan oleh Allah s.w.t., sedangkan kajian di barat mengenai kecerdasan emosi bermula dalam abad ke 20. Dalam Al-Quran telah termaktub ayat-ayat yang menerangkan Islam itu amat mementingkan kecerdasan emosi dalam kalangan umatnya antaranya Allah s.w.t. melarang umat Islam dari berputus asa dengan rahmatNya Allah dan larangan membunuh diri. Selain itu Allah SWT juga menyukai orang-orang yang bersifat belas kasihan sesama manusia, menjadi orang yang sentiasa bersyukur kepada Allah, tidak mempersekuatkan Allah, berbuat baik kepada kedua ibu bapa yang mengandung, melahirkan, membesar dan mendidik, berterima kasih kepada mereka dan memperlakukan mereka dengan baik, sentiasa mengikut jalan-jalan orang yang mendapat petunjuk, berbuat kebaikan walaupun sebesar zarah kerana semuanya ada balasan, mendirikan solat dan mengajak orang lain melakukannya, mencegah perbuatan mungkar dan sentiasa bersabar dengan apa sahaja yang menimpa, tidak bersikap angkuh dan memandang rendah kepada orang lain, dan sentiasa bersederhana dan bersikap rendah diri. Sifat-sifat ini juga merupakan sifat terpuji yang mewakili akhlak Rasullullah. Justeru umat Islam dianjurkan mengamalkan kecekapan kecerdasan Emosi seperti yang terdapat dalam Al-Quran dan Al-Sunnah.

## PERNYATAAN MASALAH

Remaja hari ini adalah aset penting negara kerana sejarah telah membuktikan bahawa pemuda hari ini adalah bakal pemimpin negara pada masa hadapan. Di bahu mereka terpikul semua tanggungjawab dalam menentukan jatuhan bangunnya negara pada masa hadapan.

Masa muda sering dikaitkan dengan masa yang penuh dengan kekuatan dan dinamik seseorang individu. Oleh yang demikian remaja hari ini perlu dididik, dibimbing dan diasuh dengan pendidikan yang berterusan berlandaskan Al-Quran dan al-sunnah dalam usaha melahirkan insan yang cerdas emosi, yang dikenali juga sebagai generasi rabbani.

## TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dimensi kecerdasan emosi yang dimiliki oleh remaja sekolah di Malaysia. Dalam mengenal pasti jenis-jenis dimensi kecerdasan emosi remaja sekolah ini, boleh ubah demografi seperti jantina, jenis sekolah dan lokasi sekolah juga diteliti dalam memberi gambaran secara menyeluruh tentang kecerdasan emosi remaja sekolah di Malaysia.

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan berdasarkan kepada objektif yang telah dikenalpasti seperti di bawah:

- 1) Untuk mengetahui jenis-jenis kecerdasan emosi remaja sekolah diMalaysia.
- 2) Untuk mengenal pasti tahap kecerdasan emosi mengikut 5 dimensi yang dipilih.

Kajian ini adalah bertujuan untuk mencari jawapan kepada soalan-soalan di bawah:

- 1) Apakah jenis-jenis kecerdasan emosi yang dimiliki oleh remaja sekolah di Malaysia?
2. Apakah tahap kecerdasan emosi remaja mengikut dimensi?

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian berbentuk penerokaan ini menggunakan rekabentuk kajian tinjauan. Sampel kajian terdiri daripada 998 orang remaja sekolah yang dipilih dari 16 buah sekolah di Malaysia. Kajian ini telah menggunakan satu set soal selidik kecerdasan emosi untuk mengumpul data.

### Analisis dapatan Kajian

Jadual 1.1: Skor Lima Dimensi kecerdasan Emosi Remaja Sekolah

Pemboleh Ubah	Kriteria	Kecerdasan Emosi (Min dan Sisihan Piawai)				
		Kesedaran Kendiri	Kemahiran Sosial	Pengurusan Emosi	Empati	Kerohanian
Jantina	Lelaki	3.64 (0.68)	3.25 (0.53)	3.77 (0.66)	3.98 (0.66)	4.69 (0.24)
	Perempuan	3.83 (0.60)	3.34 (0.42)	3.89 (0.60)	4.07 (0.55)	4.68 (0.22)
Jenis Sekolah	Sekolah Harian	3.57 (0.74)	3.23 (0.53)	3.65 (0.70)	3.91 (0.67)	4.65 (0.30)
	Sekolah Berasrama	3.97 (0.40)	3.38 (0.38)	4.06 (0.42)	4.18 (0.47)	4.72 (0.07)
Lokasi Sekolah	Bandar	3.74 (0.63)	3.29 (0.45)	3.83 (0.59)	4.04 (0.56)	4.71 (0.08)
	Luar Bandar	3.77 (0.65)	3.31 (0.49)	3.85 (0.65)	4.02 (0.63)	4.65 (0.31)
<b>Keseluruhan Kecerdasan Emosi</b>		<b>3.76 (0.64)</b>	<b>3.30 (0.47)</b>	<b>3.84 (0.62)</b>	<b>4.03 (0.60)</b>	<b>4.68 (0.20)</b>

Merujuk kepada jadual 1.1, secara keseluruhan, terdapat 5 dimensi kecerdasan emosi remaja iaitu dimensi kerohanian, dimensi empati, dimensi pengurusan emosi, dimensi kesedaran kendiri dan dimensi kemahiran sosial.

Pengkaji telah menentukan skala kecerdasan emosi kepada tiga tahap iaitu tahap rendah, tahap sederhana dan tahap tinggi seperti berikut:

Nilai min 0.00 hingga 1.66 – tahap rendah

Nilai min 1.67 hingga 3.33 – tahap sederhana

Nilai min 3.34 hingga 5.00 – tahap tinggi

Remaja lelaki menunjukkan kecerdasan emosi yang tinggi khususnya dalam dimensi kerohanian (min 4.69), diikuti oleh dimensi empati (min 3.98), dimensi pengurusan emosi (min 3.77), seterusnya dimensi kesedaran kendiri (min 3.64), dan dimensi kemahiran sosial (min 3.25). Trend yang sama juga kepada remaja perempuan di mana dimensi kerohanian (min 4.68) dimensi empati (min 4.07), dimensi pengurusan emosi (min 3.89), dimensi kesedaran kendiri (min 3.83), dan paling rendah adalah dimensi kemahiran sosial (min 3.34).

Tahap kecerdasan emosi mengikut jenis sekolah pula menunjukkan remaja dari sekolah berasrama mempunyai tahap lebih tinggi berbanding remaja dari sekolah harian. Aspek kerohanian paling tinggi (min 4.72), diikuti dengan dimensi empati (min 4.18), dimensi pengurusan emosi (min 4.06), seterusnya dimensi kesedaran kendiri (min 3.97) dan paling rendah adalah dimensi kemahiran sosial (min 3.38). Tahap emosi remaja sekolah harian menunjukkan dimensi kerohanian paling tinggi (min 4.65) diikuti dimensi empati (min 3.91), dimensi pengurusan emosi (min 3.65), dimensi kesedaran kendiri (min 3.57) dan paling rendah adalah dimensi kemahiran sosial (min 3.23).

Manakala tahap kecerdasan emosi remaja sekolah mengikut lokasi sekolah pula menunjukkan remaja dari sekolah bandar mempunyai tahap paling tinggi dalam dimensi kerohanian (min 4.71), diikuti dengan dimensi empati (min 4.04), dimensi pengurusan emosi (min 3.83), seterusnya dimensi kesedaran kendiri (min 3.74) dan paling rendah adalah dimensi kemahiran sosial (min 3.29). Tahap emosi remaja dari sekolah luar bandar pula menunjukkan dimensi kerohanian paling tinggi (min 4.65), diikuti dengan dimensi empati (min 4.02), dimensi pengurusan emosi (min 3.85), dimensi kesedaran kendiri (min 3.77) dan paling rendah adalah dimensi kemahiran sosial (min 3.31).

Remaja lelaki menunjukkan kecerdasan emosi yang tinggi khususnya dalam dimensi kerohanian (min 4.69), diikuti oleh dimensi empati (min 3.98), dimensi pengurusan emosi (min 3.77), seterusnya dimensi kesedaran kendiri (min 3.64), dan dimensi kemahiran sosial (min 3.25). Trend yang sama juga kepada remaja perempuan di mana dimensi kerohanian (min 4.68) dimensi empati (min 4.07), dimensi pengurusan emosi (min 3.89), dimensi kesedaran kendiri (min 3.83), dan paling rendah adalah dimensi kemahiran sosial (min 3.34).

Tahap kecerdasan emosi mengikut jenis sekolah pula menunjukkan remaja dari sekolah berasrama mempunyai tahap lebih tinggi berbanding remaja dari sekolah harian. Aspek kerohanian paling tinggi (min 4.72), diikuti dengan dimensi empati (min 4.18), dimensi pengurusan emosi (min 4.06), seterusnya dimensi kesedaran kendiri (min 3.97) dan paling rendah adalah dimensi kemahiran sosial (min 3.38). Tahap emosi remaja sekolah harian menunjukkan dimensi kerohanian paling tinggi (min 4.65) diikuti dimensi empati (min 3.91), dimensi pengurusan emosi (min 3.65), dimensi kesedaran kendiri (min 3.57) dan paling rendah adalah dimensi kemahiran sosial (min 3.23).

Sementara itu, tahap kecerdasan emosi remaja sekolah mengikut lokasi sekolah pula menunjukkan remaja dari sekolah bandar mempunyai tahap paling tinggi dalam dimensi kerohanian (min 4.71), diikuti dengan dimensi empati (min 4.04), dimensi pengurusan emosi (min 3.83), seterusnya dimensi kesedaran kendiri (min 3.74) dan paling rendah adalah dimensi kemahiran sosial (min 3.29). Tahap emosi remaja dari sekolah luar bandar pula menunjukkan dimensi kerohanian paling tinggi (min 4.65), diikuti dengan dimensi empati (min 4.02), dimensi pengurusan emosi (min 3.85), dimensi kesedaran kendiri (min 3.77) dan paling rendah adalah dimensi kemahiran sosial (min 3.31).

Jadual 1.2: Tahap kecerdasan emosi dalam lima dimensi kecerdasan emosi.

Dimensi KE	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Kesedaran kendiri	3.67	0.64	Tinggi
Kemahiran sosial	3.30	0.47	Sederhana
Pengurusan emosi	3.84	0.62	Tinggi
Empati	4.03	0.60	Tinggi
Kerohanian	4.68	0.20	Tinggi

Merujuk kepada jadual 1.2 di atas, didapati bahawa remaja sekolah mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi dalam semua dimensi kecuali dalam dimensi kemahiran sosial. Strategi untuk meningkatkan kecerdasan emosi dalam dimensi kemahiran sosial perlu diberi perhatian kerana kemahiran sosial merupakan kemahiran yang paling asas dalam hubungan interpersonal.

Demi memenuhi hasrat negara untuk melahirkan modal insan yang berfikiran bertaraf kelas pertama memerlukan individu yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek, strategi tertentu dan

penambahan pengisian kerohanian perlu difikirkan bagi meningkatkan kerohanian remaja sekolah. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab bersama kepada guru-guru, kaunselor, pihak pentadbir sekolah dan ibu bapa meningkatkan kerohanian para remaja agar seimbang dengan jasmani, emosi dan intelek.

## RUMUSAN DAN CADANGAN

Hasil kajian dapat dirumuskan bahawa kecerdasan emosi sangat signifikan dalam membentuk akhlak remaja. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah, kecerdasan emosi perlu diberi perhatian yang serius kerana individu yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi akan memperlihatkan tingkah laku dan akhlak yang baik. Akhlak merupakan aset yang penting bagi setiap remaja dalam usaha memikul tanggungjawab sebagai Khalifah di muka bumi ini. Malah nabi Muhammad SAW diutuskan ke muka bumi ini dengan misi untuk menyempurnakan akhlak serta untuk dicontohi oleh manusia.

Al-Quran dan Al-Sunnah patut dijadikan panduan dan rujukan dalam pendidikan hari ini dalam usaha melahirkan insan yang seimbang antara jasmani, emosi rohani dan intelek. Kecerdasan emosi adalah proses kemahiran yang berterusan, boleh dipertingkatkan dan dilatih. Oleh yang demikian melalui pendidikan berbagai aktiviti boleh dijalankan dalam meningkatkan tahap kecerdasan emosi remaja.

Ibu bapa dan guru perlu berkerjasama dalam usaha mendidik remaja menjadi individu yang cerdas emosi. Gandingan usaha ibu bapa dan guru-guru pasti akan melahirkan remaja yang teguh imannya, manis tutur kata, elok tingkah laku dan akhlaknya sebagaimana yang dianjurkan ibu bapa berdoa agar mengurniakan anak-anak yang qurrataakyun (menyejukkan mata) dan menjadi pemimpin kepada kaum yang bertaqwah.

## RUJUKAN

- Abdullah Ishak. (1995). *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amir A. Rahman. (1990). *Pengantar Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Al-Quran Nul-Karim dan terjemahannya. (2007). Pustaka Darul Iman Sdn. Bhd.
- Ar-Razi, *Al-Usul min al-kafi*, jld.1, Beirut: Daru'l-Kutub Al-Islamiyyah, 1388H, h.48
- Asmawati Suhid. (2009). *Pendidikan Akhlak dan Adab Islam: Konsep dan Amalan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distribution, cetakan ke-1.
- Ashkanasy & Dasborough, (2003). Emotional Awareness And Emotional intelligence in leadership teaching. *Journal of Education for business*, 79 (1), 18-22.
- Atkins, P. and C. Stough. (2005). Does emotional intelligence change with age? Paper presented at the Society for research in Adult Development Annual Conference, Atlanta GA.
- Australian Council for Education Research. (2004) : The International Test Users' Conference
- Azizi, Fawziah, Zurihanmi, Noordin. (2005). Pembangunan Kendiri. Universiti Teknologi Malaysia, Sekudai Johor Darul Ta'zim.
- Azizi Yahaya, Haliah Ma'alip, Shahrin Hashim, Yusof Boon, Jamaludin Ramli. (2009). MODAL INSAN: Membentuk Keluarga yang Berkesan. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.
- Azizi Hj. Yahaya, Yusof Boon. (2005). *Kecerdasan Emosi dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik dan Tingkahlaku Pelajar*. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.
- Azizi Hj. Yahaya, Yusof Boon, Kamaliah Noordin. (2010). *Hubungan antara konsep kendiri, Motivasi dan gaya Keibubapaan dengan pencapaian pelajar*. Fakulti pendidikan UTM Skudai, Johor.

Bar-On, R. B.(2000). *The Bar-On EQ-I: YV: Technical Manual.* Toronto, Canda: Multi-Health Systems.

Gardner, H. (2000). Intelligence reframed: multiple intelligences for the 21<sup>st</sup> century . New York:NY, Basic Books.

Gary Low, Allen Lomax, Mona Jackson, Darwin Nelson. (2004). *Emotional Intelligence: A New Student Development Model.* Texas A&M University-Kingsville 700 University Blvd., MSC 196 Kingsville, Texas 78363.

Gerald Matthews, Moshe Zeidner, Richard D. Roberts (2004). Emotional Intelligence Science and Myth. Cambridge, Massachusetts, London, England.

Graham Moore. (2005). *Emotional Intelligence, Innovation and Creativity.*

Goleman, D. (1995). *Emotional Intelligence.* New York: Bantam Books.

Goleman, D. (1999). *Working with Emotional Intelligence.* New York. Bantam Books.

Goleman, D. (2006). *Social Intelligence.* New York. BantamDell. <http://www.kirkwood.edu>.

Goleman, D. (2005). *Emotional intelligence* (10<sup>th</sup> anniversary ed.). New York: Bantam.

Ismail Abdullah Siputeh. (2006). Insan dari Aspek Etimologi dan Perspektif Islam. Kolej Universiti Islam Malaysia, Negeri Sembilan.

Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2006). Laporan Jawatankuasa Mengkaji, Menyemak, dan Membuat Perakuan Tentang Perkembangan dan Hala Tuju Pendidikan Tinggi Malaysia. Shah Alam : UPENA.

Mohammad Nasir, Misnan & Bhasah. (2002). *Keperluan Pelajar Sekolah Menengah: Kajian di Hilir Perak.* Tanjung Malim,UPSI.